

19/01/2001

Mesyuarat boleh ditangguh jika ramai ahli ke Makkah

Kadir Dikoh; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Cawangan Umno yang ramai ahlinya akan menunaikan fardu haji tahun ini, diberi kelonggaran menangguhkan mesyuarat tahunan dijadualkan bermula 1 Mac ini.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata cawangan terbabit boleh memohon kebenaran berbuat demikian daripada ibu pejabat parti, asalkan tarikh baru itu tidak melebihi minggu kedua Mac.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat pengurusan Umno yang dipengerusikan Abdullah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWT) di sini, petang semalam.

Majlis Tertinggi (MT) Jumaat lalu memutuskan mesyuarat cawangan diadakan mulai 1 hingga 31 Mac. Tahun ini tidak ada pertandingan pada peringkat cawangan kecuali bahagian. Mesyuarat bahagian pula dijadualkan April depan.

Penerbangan haji pertama dari negara ini ialah pada 27 Januari ini dan terakhir 16 Februari, manakala penerbangan pulang dijadualkan pada 11 Mac hingga 9 April.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri memberitahu Umno on-line, mesyuarat pengurusan semalam turut membincangkan persediaan bagi mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) yang dijadualkan di Melaka Isnin ini.

Katanya, selain mengadakan mesyuarat itu, ahli MT akan mengambil kesempatan mengadakan perbincangan dengan kepimpinan Umno peringkat negeri di Melaka mengenai kedudukan parti itu dan keadaan politik semasa.

Beliau berkata, perbincangan dengan kepimpinan Umno peringkat negeri akan menjadi amalan setiap kali MT turun ke padang untuk bermesyuarat di negeri.

Melaka adalah negeri kedua menjadi tuan rumah mesyuarat MT di luar Ibu Pejabat Umno di Kuala Lumpur selepas Ipoh, Perak tahun lalu.

Laman web rasmi milik Umno juga melaporkan, Biro Latihan parti sudah menyusun program latihan khususnya membabitkan pendedahan mengenai perjuangan parti dan mengenali sejarah negara.

Buat permulaan, latihan itu akan dijalankan selama dua bulan mulai esok hingga akhir Februari ini di Melaka.

Lebih 1,000 ahli Umno daripada pelbagai peringkat dijangka diberi latihan dan pendedahan mengenai perjuangan parti menerusi program berkenaan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ahli MT akan beramah mesra dengan pemimpin bahagian serta cawangan parti di Melaka, selepas mesyuarat MT di negeri itu Isnin ini.

Pertemuan Presiden dan semua ahli MT dalam majlis makan malam itu adalah sebahagian daripada program Umno mendekatkan pemimpin dengan ahli pada peringkat akar umbi.

Majlis itu selaras keputusan MT untuk mengadakan mesyuarat di luar Kuala Lumpur, dan pemilihan Melaka adalah yang kedua selepas Perak.

"MT akan mengadakan mesyuarat dua kali sebulan dan semua ahli MT diminta turun ke bawah jumpa ahli cawangan," kata selepas Majlis Anugerah Q Jabatan Penyiaran di Angkasapuri, hari ini.

Beliau berkata, dalam mesyuarat itu, MT akan memutuskan tarikh mesyuarat bahagian Umno dan mendapat maklum balas bila perlembagaan baru diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Mengenai pertemuan pemimpin Umno-Pas untuk membincangkan perpaduan

Melayu, Khalil berkata, beliau masih menunggu kepulangan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, dari luar negara.

"Kami akan membincangkan mengenai perkara teknikal, termasuk tarikh dan format perbincangan dalam pertemuan yang akan diadakan secepat mungkin," katanya.

(END)